

20/01/2003

Masyarakat wajar dididik terima penagih

GENTING HIGHLANDS: Masyarakat perlu mengubah sikap terhadap bekas penagih dadah supaya mereka tidak kembali menagih selepas menjalani rawatan pemulihan kerana berasa tersisih, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sikap masyarakat tidak menerima bekas penagih dadah dan keengganan majikan mengambil mereka bekerja antara punca kira-kira 70 peratus daripada bekas penagih kembali terbabit dalam gejala itu.

"Dalam keadaan mereka ditolak masyarakat dan tidak mempunyai kawan, maka 'kawan lama' (pengedar dadah) merekalah yang akan kembali mendampingi dan menjurus mereka menagih dadah.

"Justeru, kita perlu mendidik masyarakat lebih bersimpati terhadap penagih dadah supaya mereka merasa berguna dan tidak kembali menagih dadah," katanya berucap menutup Kolokium Ke-11 Wanita Pemadam 2003: Pencegahan Dadah Dan Aids, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Genting Highlands semalam.

Hadir pada majlis anjuran Biro Hal Ehwal Wanita Pemadam itu ialah isteri beliau, Datin Seri Endon Mahmood dan Timbalan Menteri Dalam Negeri yang juga Yang Dipertua Pemadam, Datuk Zainal Abidin Zin.

Abdullah mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kolokium tiga hari itu dirasmikan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, kelmarin. Ia dihadiri lebih 5,000 wanita dari kalangan pelajar, guru dan badan bukan kerajaan.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata ibu bapa perlu memainkan peranan memastikan anak mereka tidak terjebak dengan gejala penagihan dadah dengan memberi didikan dan kasih sayang kepada anak mereka.

Katanya, ibu bapa juga perlu tahu mengesan tanda awal anak mereka terbabit dalam gejala penagihan dadah supaya tindakan pembetulan dapat diambil segera.

"Ibu bapa perlu memainkan peranan mereka dan tidak hanya bergantung kepada kerajaan...keluarga adalah barisan hadapan pertahanan terhadap gejala penagihan dadah," katanya sambil menambah kerajaan tidak bercadang mengenakan perintah berkurung terhadap remaja.

Sebaliknya, Abdullah meminta Kementerian Belia dan Sukan memperbanyakkan program untuk remaja kerana aktiviti sedemikian mampu membendung mereka terjebak dalam penagihan dadah.

Bercakap pada sidang akhbar kemudian, Abdullah berkata, kerajaan akan membiayai sepenuhnya urusan pentadbiran dan aktiviti Pemadam bagi memantapkan usaha memerangi gejala penagihan dadah.

Katanya, kerajaan tidak mahu lagi melihat Pemadam yang 27 tahun berusaha memerangi penagihan dadah terus mengemis meminta bantuan bagi menjayakan aktivitinya.

"Saya memberi jaminan kerajaan akan terus menyokong dan memberikan bantuan kepada Pemadam bagi memastikan matlamat menghapuskan gejala penagihan dadah tercapai," katanya.

Abdullah berkata, kerjasama di antara kerajaan dan Pemadam penting kerana penagihan dadah sudah menular dalam masyarakat, termasuk profesional dan orang kaya.

Abdullah mengakui sukar membasmi gejala penagihan dadah sepenuhnya walaupun kerajaan memperkenalkan undang-undang yang tegas kerana ketagihan

sukar dirawat dan jenayah pengedaran dadah memberikan pulangan lumayan.

Bagaimanapun, Abdullah berkata, usaha memerangi gejala penagihan dadah selama ini mencapai kejayaan kerana dapat mengurangkan bilangan kes penagihan.

Pada majlis itu Abdullah menerima derma hampir RM2 juta daripada beberapa badan korporat bagi pihak Pemadam termasuk RM1.5 juta daripada Resorts World Bhd. Beliau turut melancarkan lagu Pemadam.